

Jadikan Aidiladha iktibar hadapi cabaran hidup - PM

UM - 10/7/2022 m/s: 3

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyifatkan sambutan hari raya Aidiladha kali ini perlu dijadikan iktibar bagi menghadapi keadaan hidup yang semakin mencabar ketika ini.

Malah, katanya, sambutan kali ini membawa erti besar kepada umat Islam di negara ini apabila dapat kembali merai-kannya seperti sedia kala selepas dua tahun berdepan dengan pandemik Covid-19.

“Kisah Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail adalah iktibar yang perlu dihayati oleh seluruh Keluarga Malaysia dalam kita mendepani cabaran kehidupan seharian.

“Maka, dengan nilai-nilai keinsafan, pengorbanan, kebersamaan dan kesyukuran, kita dapat meneruskan kehidupan yang lebih harmoni di sebalik pelbagai ketidaktentuan dunia yang berlaku pada hari ini,” katanya dalam Perutusan Khas Hari Raya Aidiladha malam tadi.

Beliau mengakui, cabaran ekonomi yang antara lain berpunca daripada konflik geopolitik dan perubahan iklim global menjejaskan kehidupan seharian semua lapisan masyarakat.

Namun begitu, beliau memberi jaminan kerajaan sentiasa mendengar dan memahami de-



ALIRAN trafik di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) arah utara di Ipoh yang tinggi sejak pagi semalam susulan orang ramai pulang ke kampung menyambut Hari Raya Aidiladha. - MINGGUAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

nyut nadi rakyat, malah berusaha untuk menangani impak inflasi global termasuk menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi.

“Pasukan ini berperanan menyatukan semua Kementerian dan agensi-agensi berkaitan bagi menyelesaikan kesulitan yang dihadapi oleh Keluarga Malaysia dengan segera.

“Namun, kerajaan tidak dapat melakukannya sendirian. Justeru, seluruh Keluarga Malaysia perlu bersama-sama berganding bahu menanganinya.

Ini adalah jihad kita bersama untuk memastikan ekonomi negara kembali pulih,” katanya.

Bagaimanapun, beliau menyeru semua pihak supaya mengetepikan sebarang perbezaan fahaman politik ketika masyarakat dilanda pelbagai masalah yang perlu ditangani segera.

“Buktikan keinsafan dan kesyukuran kita dengan bersamasama dalam meningkatkan martabat agama kita, serta memupuk hubungan yang baik dengan rakan-rakan kita

daripada keturunan dan agama yang lain.

“Marilah kita berdoa semoga dengan semangat pengorbanan yang diamalkan oleh Keluarga Malaysia, kita mampu menjadikan tanah air ini kalis cabaran, kukuh dan terus maju mendepani apa jua situasi dan cabaran mendatang, insya-Allah,” katanya.

Ismail Sabri turut mendoakan lebih 14,000 jemaah Malaysia di Tanah Suci Mekah agar dipermudahkan urusan dan dikurniakan haji yang mabrur.